



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985
DR.22/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Seksyen 9, 16 dan 18 (b), (c), (d) dan (e) hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 127.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "kelengkapan kawalan" takrif yang berikut:

"“kenderaan” ertinya suatu struktur yang berupaya bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi mengangkut orang atau benda dan yang sentiasa bersentuhan dengan permukaan bumi semasa bergerak;” dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “penduduk” takrif yang berikut:

““perairan Malaysia” ertinya perairan wilayah Malaysia sebagaimana yang ditentukan menurut Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969;”

Pindaan
seksyen 4.

3. (1) Subseksyen (2) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kementerian Teknologi dan Penyelidikan” dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan “Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat” dalam perenggan (d) dengan perkataan-perkataan “Ketua Setiausaha, Kementerian Buruh”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(cc) Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian atau wakilnya yang diberi kuasa;”;

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(dd) Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan atau wakilnya yang diberi kuasa;”;

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seorang ahli dari Malaysia Timur” dalam perenggan (f) dengan perkataan-perkataan “seorang ahli dari Sabah dan seorang ahli dari Sarawak;”;

(f) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(gg) seorang ahli yang dilantik oleh Menteri daripada orang-orang yang dinamakan oleh industri kelapa sawit;”;

(g) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(hh) seorang ahli yang dilantik oleh Menteri daripada orang-orang yang dinamakan oleh industri getah;”;

(h) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (i) dengan koma bertitik dan dengan menambah selepas perenggan itu perenggan yang berikut:

“(j) dua orang ahli yang dilantik oleh Menteri daripada antara pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang mempunyai pengetahuan yang luas dan mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan alam sekeliling.”

(2) Subseksyen (3) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “(f), (g), (h) dan (i)” dengan perkataan-perkataan “(f), (g), (gg), (h), (hh), (i) dan (j)”.

4. Subseksyen (2) seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Lima” dengan perkataan “Lapan”. Pindaan seksyen 7.

5. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “hendaklah” di mana ia mula-mula terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (3) dengan perkataan “boleh”. Pindaan seksyen 11.

6. Subseksyen (2) seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “lebih daripada sebulan” dengan perkataan-perkataan “kurang daripada tiga bulan dan tidak lebih daripada empat bulan”. Pindaan seksyen 13.

7. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 16.

(a) dengan menomborkan peruntukan yang ada sekarang sebagai subseksyen (1) seksyen 16; dan

(b) dengan menambah selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda

tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya patuh kepada terma atau syarat yang dinyatakan di dalamnya itu.”

Pindaan
seksyen 18.

8. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut :

“(3) Seseorang yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.”

Pemotongan
seksyen 26.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 26

Pindaan
seksyen 27.

10. Seksyen 27 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut :

“(1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika ia telah diberi lesen, melepaskan atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran yang mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.”

Pindaan
seksyen 28.

11. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “26 atau”.

Pindaan
seksyen 29.

12. Subseksyen (1) seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong noktah di akhir subseksyen itu dan dengan menambah selepas perkataan “Malaysia” perkataan-perkataan “dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21”.

13. Bahagian IV Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 34 seksyen yang berikut :

Seksyen
baru 34A.

"Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan.

34A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan apa-apa aktiviti yang mungkin mempunyai kesan yang bererti pada alam sekeliling sebagai aktiviti yang ditetapkan.

(2) Sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah, sebelum apa-apa kelulusan bagi menjalankan aktiviti itu diberikan oleh pihak berkuasa meluluskan yang relevan, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah. Laporan itu hendaklah menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah mengandungi suatu penilaian mengenai kesan kepada alam sekeliling yang akan atau yang mungkin akan berlaku akibat aktiviti itu dan langkah-langkah yang dicadangkan akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekeliling.

(3) Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan dan selepas membuat siasatan yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa laporan itu memenuhi kehendak-kehendak subseksyen (2) dan bahawa langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekitar adalah mencukupi, ia hendaklah meluluskan laporan itu, dengan atau tanpa syarat-syarat yang dilampirkan kepadanya, dan hendaklah memberitahu sewajarnya orang yang bermaksud hendak menjalankan aktiviti yang ditetapkan itu dan pihak berkuasa meluluskan yang relevan.

(4) Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan dan selepas membuat siasatan yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa laporan itu tidak memenuhi kehendak-kehendak subseksyen (2) atau bahawa langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekitar adalah tidak mencukupi, dia tidak boleh meluluskan laporan itu dan hendaklah memberikan sebab-sebabnya dan hendaklah memberitahu sewajarnya orang yang bermaksud menjalankan aktiviti yang ditetapkan itu dan pihak berkuasa meluluskan yang relevan :

Dengan syarat bahawa jika laporan itu tidak diluluskan ia tidaklah menghalang orang itu daripada menyemak dan mengemukakan semula laporan yang telah disemak itu kepada Ketua Pengarah bagi kelulusannya.

(5) Ketua Pengarah boleh jika difikirkannya perlu menghendaki lebih daripada satu laporan dikemukakan kepadanya bagi kelulusannya.

(6) Sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan sesuatu aktiviti yang ditetapkan tidak boleh menjalankan aktiviti itu sehingga laporan yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen ini kepada Ketua Pengarah telah dikemukakan dan diluluskan.

(7) Jika Ketua Pengarah meluluskan laporan itu, orang yang menjalankan aktiviti yang ditetapkan itu, dalam proses menjalankan aktiviti itu, hendaklah memberikan bukti yang cukup bahawa syarat-syarat yang dilampirkan kepada laporan itu (jika ada) sedang dipatuhi dan bahawa langkah-langkah yang dicadangkan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekeliling sedang digabungkan ke dalam rekabentuk, pembinaan dan pengendalian aktiviti yang ditetapkan itu.

(8) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya mematuhi tindakan yang dinyatakan di dalamnya itu.”

14. Subseksyen (1) seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 35.

(a) dengan memotong perkataan “atau” selepas koma bertitik dalam perenggan (c) dan dengan menggantikan koma di akhir perenggan (d) dengan koma bertitik; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (d), perenggan-perenggan yang berikut:

“(e) apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) atau (4) seksyen 34A; dan

(f) apa-apa keputusan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai di bawah subseksyen (2) atau (5) seksyen 48A.”

15. Subseksyen (1) seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ketua Pengarah atau seseorang Timbalan Ketua Pengarah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “Ketua Pengarah, seseorang Timbalan Ketua Pengarah, seseorang Pengarah, atau mana-mana pegawai awam yang telah diwakilkan kuasa itu oleh Ketua Pengarah secara bertulis”.

Pindaan
seksyen 45.

16. Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 47.

(a) dengan memotong angka “2”, dalam subseksyen (4); dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “minyak daripada atau kepada sesuatu kapal (sama ada kepada atau daripada sesuatu tempat di darat atau kepada atau daripada sesuatu kapal)” dalam perenggan (b) subseksyen (4)

dengan perkataan-perkataan "minyak, campuran mengandung minyak atau buangan ke mana-mana kapal daripada sesuatu tempat di darat".

Seksyen
baru 48A
dan 48B.

17. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen-seksyen yang berikut :

"Kuasa
menguji dan
melarang
penggunaan
kendaraan.

48A. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurna olehnya boleh memasuki dan memeriksa mana-mana kenderaan yang sedang digunakan dan bagi maksud itu boleh menghendaki mana-mana kenderaan diberhentikan, dan boleh menahan mana-mana kenderaan selama masa yang diperlukan bagi pemeriksaan itu, dan boleh menghendaki pemandu kenderaan itu memandu kenderaan itu ke suatu tempat lain bagi maksud pemeriksaan itu dan boleh menjalankan, atas perbelanjaan pemunya, semua ujian dan pemeriksaan yang difikirkannya patut atau perlu bagi memuaskan hatinya bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dipatuhi berkenaan dengan kenderaan itu :

Dengan syarat bahawa tiada suatu kenderaan pun boleh ditahan di bawah seksyen ini selama lebih daripada empat puluh lapan jam atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Jika, dalam pemeriksaan itu, kelihatan kepada Ketua Pengarah atau pegawai itu bahawa, disebabkan oleh apa-apa kecacatan di dalamnya, kenderaan itu adalah atau mungkin akan melanggar Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia boleh melarang penggunaan kenderaan itu :

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat Ketua Pengarah atau pegawai itu kecacatan itu boleh diperbaiki dalam tempoh yang tidak melebihi sepuluh hari, larangan itu tidak boleh berkuatkuasa sebelum habis tempoh itu.

(3) Jika di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah atau pegawai itu melarang penggunaan sesuatu kenderaan, dia hendaklah dengan serta-merta memberikan notis larangan itu secara bertulis kepada pemunya berdaftar kenderaan itu atau orang yang bertanggungjawab atas kenderaan itu.

(4) Dalam hal larangan yang disebabkan oleh kecacatan yang dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen (2), notis yang diberikan di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan tempoh masa kecacatan itu boleh pada pendapat pegawai itu diperbaiki dan boleh menghendaki pemunya berdaftar kenderaan itu atau orang yang bertanggungjawab atas kenderaan itu mengemukakan kenderaan itu untuk diperiksa oleh pegawai itu pada masa dan di tempat yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Sesuatu perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (2) yang telah berkuatkuasa boleh dibatalkan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurna oleh Ketua Pengarah jika dia berpuas hati bahawa kenderaan itu layak digunakan.

(6) Jika Ketua Pengarah atau seseorang pegawai menarik balik atau membatalkan sesuatu larangan dia hendaklah memberikan notis mengenai penarikan balik atau pembatalan itu kepada pemunya berdaftar kenderaan itu.

(7) Ketua Pengarah atau pegawai itu boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pemunya berdaftar kenderaan itu mengemukakan apa-apa dokumen berhubungan dengan kenderaan itu untuk diperiksa olehnya, pada masa dan di tempat yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(8) Jika mana-mana orang tidak mematuhi seksyen ini, atau menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan pada

bila-bila masa suatu perintah larangan di bawah subseksyen (2) sedang berkuatkuasa berhubungan dengan kenderaan itu, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Bantuan.

48B. Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya boleh menghendaki mana-mana orang memberikan bantuan seandainya terjadi pencemaran, atau ancaman pencemaran yang mungkin berlaku pada bila-bila masa, kepada alam sekeliling.”.

Pindaan
seksyen 51.

18. Subseksyen (1) seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “di bawah Akta ini;” dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan “atau untuk kelulusan dalam apa-apa bentuk lain yang diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;”;

(b) dengan memotong perenggan (m), (n) dan (o);

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “ketua sesuatu kapal dan pemunya sesuatu kilang pembersihan minyak” dalam perenggan (p) dengan perkataan-perkataan “sesiapa yang mengendalikan, menyimpan atau menggunakan minyak atau campuran yang mengandungi minyak supaya”;

(d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “kilang pembersihan minyak yang menjalankan urusan di Malaysia” dalam perenggan (q) dengan perkataan-perkataan “sesiapa yang mengendalikan, menyimpan atau menggunakan minyak atau campuran yang mengandungi minyak”; dan

(e) dengan menggantikan koma bertitik di akhir perenggan (q) dengan noktah dan memotong perenggan (r) dan (s).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan takrif "perairan Malaysia" dan "kenderaan" dalam seksyen 2.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 4 untuk menambah perwakilan yang ada sekarang dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7 (2) untuk menambah kuorum bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis daripada lima kepada lapan orang anggota.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 13 (2) bagi menghendaki permohonan-permohonan bagi pembaharuan lesen dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh lesen-lesen itu habis tempoh.

6. *Fasal 7* dan 8 bertujuan meminda seksyen 16 dan 18 untuk mengadakan penalti yang lebih berat bagi apa-apa pelanggaran seksyen-seksyen ini iaitu daripada denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit penjara selama tempoh yang tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

7. *Fasal 9* membuat peruntukan memotong seksyen 26 oleh kerana hal perkara itu diperuntukkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif.

8. *Fasal 10* bertujuan menghapuskan larangan mutlak yang dikenakan oleh seksyen 27 (1) ke atas pelepasan dan pertumpahan minyak atau campuran mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia. Sebaliknya, suatu sistem pelesenan untuk mengawal pelepasan bahan-bahan itu diperkenalkan.

9. *Fasal 13* memasukkan suatu seksyen baru, iaitu seksyen 34A, yang menghendaki sesiapa yang bermaksud menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti itu. Laporan itu hendaklah dikemukakan sebelum kelulusan bagi pelaksanaan aktiviti itu diberikan oleh agensi Kerajaan yang relevan. Seksyen ini juga menetapkan maklumat yang dikehendaki dimasukkan ke dalam laporan itu dan kuasa Ketua Pengarah meluluskan (dengan atau tanpa syarat) atau tidak meluluskan laporan itu. Ketua Pengarah juga diberi kuasa di bawah subseksyen (7) untuk mengawasi pelaksanaan cadangan-cadangan yang dibuat dalam laporan itu berhubungan dengan pencegahan, pengurangan atau pengawalan kesan-kesan kurang baik kepada alam sekeliling. Subseksyen (8) menjadikannya suatu kesalahan jika seseorang itu tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen ini dan menetapkan penalti baginya.

10. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 35 (1) bagi membuat peruntukan mengenai rayuan terhadap apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 34A (3) atau (4) (kelulusan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan) atau di bawah seksyen 48 (2) atau (5) (pengenaan dan pembatalan perintah larangan atas kenderaan).

11. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 45 (1) Akta ibu untuk memberi kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan kepada Pengarah-Pengarah. Di bawah peruntukan yang ada sekarang, hanya Ketua Pengarah dan Timbalan-Timbalannya boleh berbuat demikian.

12. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 47. Dengan pindaan-pindaan melalui perenggan (b) fasal ini, orang yang bertanggungjawab atau sesuatu radas yang digunakan dalam memindahkan minyak, campuran mengandungi minyak atau buangan, berserta majikannya, akan hanya bertanggungjawab di bawah Akta ini jika pelepasan atau pertumpahan itu berlaku semasa memindahkan minyak, campuran mengandungi minyak atau buangan itu dari suatu tempat di darat ke kapal. Di bawah peruntukan yang ada sekarang mereka akan juga bertanggungjawab jika pelepasan atau pertumpahan berlaku semasa memindahkan minyak dari sesebuah kapal ke sesuatu tempat di darat atau sebaliknya atau dari satu kapal ke suatu kapal yang lain. Kementerian berpendapat bahawa liabiliti bagi pelepasan atau pertumpahan minyak dan lain-lain dari kapal ke kapal atau dari kapal ke darat lebih sesuai diperuntukkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan perkapalan saudagar.

13. *Fasal 17* memasukkan dua seksyen baru, iaitu seksyen 48A dan 48B. Seksyen 48A membuat peruntukan bagi pemberhentian, penahanan dan pemeriksaan mana-mana kenderaan, pengeluaran perintah-perintah larangan melarang penggunaan mana-mana kenderaan yang atau yang mungkin melanggar Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, pembatalan perintah-perintah itu dan pengemukakan dokumen-dokumen berhubungan dengan kenderaan itu untuk diperiksa. Kuasa-kuasa ini diberikan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurna olehnya. Seksyen baru 48B memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya menghendaki mana-mana orang memberikan bantuan seandainya terjadi pencemaran, atau ancaman pencemaran yang mungkin berlaku pada bila-bila masa, kepada alam sekitar.

14. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 51 Akta. Perenggan (a) fasal ini meminda seksyen 51 (1) (a) untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan fee bagi kelulusan dalam apa-apa bentuk lain yang diberikan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya. Perenggan (b) bertujuan meminda perenggan (m), (n) dan (o) seksyen 51 (1) dengan tujuan menghapuskan kuasa yang ada sekarang pada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai kapal. Kementerian berpendapat hal perkara ini lebih sesuai diperuntukkan di bawah undang-undang berhubungan dengan perkapalan saudagar. Perenggan (c)

meminda seksyen 51 (1) (p) untuk menghapuskan dengan tujuan yang sama sebutan mengenai ketua mana-mana kapal. Perenggan (d) bertujuan meluaskan kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan dalam seksyen 51 (1) (q). Dengan pindaan ini, Menteri boleh mengawalselia mana-mana orang yang mengendalikan, menyimpan atau menggunakan minyak. Peruntukan-peruntukan yang ada sekarang memberi kuasa kepada Menteri mengawalselia kilang-kilang penapisan minyak sahaja. Akhir sekali, perenggan (e) bertujuan memotong seksyen 51 (1) (r) dan (s) untuk menghapuskan kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai pemasangan kelengkapan di kilang-kilang penapisan minyak bagi mengawal cecair keluar yang dilepaskan, menghendaki kapal-kapal menggunakan kemudahan-kemudahan penerimaan di pelabuhan-pelabuhan Malaysia bagi melepaskan sisa minyak dan buangan dari kapal-kapal itu, dan mengenakan fee dan syarat-syarat bagi penggunaan kemudahan-kemudahan itu. Seksyen 51 (1) (r) telah diperuntukkan di bawah seksyen 31 Akta ibu manakala adalah dirasakan bahawa seksyen 51 (1) (s) lebih sesuai diperuntukkan di bawah undang-undang berhubungan dengan perkapalan saudagar.

15. Pindaan-pindaan lain kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah yang kecil dan berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 942; PN. (SBKA) 94.]

"Malaysian waters" means the territorial waters of Malaysia as determined in accordance with the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 7 1959; and

(b) by inserting after the definition of "trade" the following definition:

"vehicle" means a structure capable of moving or being moved or used for the conveyance of any person or thing and which maintains contact with the ground when in motion;

3. (1) Subsection (2) of section 4 of the principal Act is amended—

(a) by substituting for the words "Ministry of Technology and Research" in paragraph (b) the words "Ministry of Science, Technology and the Environment";